



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 MAC 2024 (ISNIN)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	28	25 Mac

912.5kg karkas lembu dirampas

Disembelih di rumah penyembelihan tanpa lesen

Oleh SYAJARATUL HUDA MOHAMAD ROSLI BUKIT MERTAJAM




Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan yang dijalankan berhampiran sebuah pasar di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, karkas itu ditemui selepas sepasukan anggota penguat kuasa JPV Pulau Pinang menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Isuzu pada jam 6.20 pagi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, kesemua karkas lembu itu disyaki bukan disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau yang dilisenkan.

"Kita merampas kesemua karkas berkenaan kerana ia didapati tidak diuruskan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.

"Kesemua rampasan dibawa ke Pejabat JPV Pulau Pinang untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.



Pegawai JPVPP memeriksa 912.5kg karkas lembu dirampas ketika serbuan yang dijalankan berhampiran sebuah pasar di Bukit Mertajam pada Ahad.

Tambah Saira, rampasan karkas lembu dan kenderaan yang disita dianggarkan bernilai RM81,500.

"Kes ini adalah rampasan terbesar

yang dijalankan oleh JPVPP untuk tahun ini. Kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan penyembelihan 2009)," katanya.

JPV Pulau Pinang Rampas 912.5kg Karkas Lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	8	25 Mac

JPV Pulau Pinang rampas 912.5kg karkas lembu

Bukit Mertajam: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan berhampiran sebuah pasar, di sini, semalam. Dalam serbuan jam 6.20 pagi, anggota penguatku-

sa JPVPP menahan sebuah pacuan empat roda sebelum pemeriksaan lanjut menemui karkas berkenaan.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pemeriksaan mendapati karkas lembu itu dipercayai bukan di-


sembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan oleh JPV.

Menurutnya, pihaknya merampas karkas lembu berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan di-

anggarkan RM81,500. Kes ini adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh pihaknya untuk tahun ini," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).



ANGGOTA JPVPP memeriksa karkas lembu yang dirampas dalam serbuan di Bukit Mertajam.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR